



06 OCT, 2021

Kes baharu kekal bawah 10,000

Berita Harian, Malaysia



Kes baharu kekal bawah 10,000

Putrajaya: Kes penularan COVID-19 kekal di bawah 10,000 semalam iaitu 8,817 kes menjadikan jumlah terkumpul ialah 2,294,457 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua negeri mencatatkan pertambahan kes dengan tiga daripadanya melaporkan peningkatan kes empat angka.

Beliau berkata, Sarawak menjadi negeri tertinggi melaporkan pertambahan kes harian dengan 1,361 kes, diikuti Selangor (1,348) dan Kelantan (1,063).

Selain itu, katanya Johor (886), Sabah (805), Pahang (696), Kedah (576), Pulau Pinang (595), Perak (473), Te-

rengganu (356), Melaka (246), Kuala Lumpur (217), Negeri Sembilan (122), Perlis (47), Putrajaya (23) dan Labuan (3).

Sementara itu di **Kuala Lumpur**, **BERNAMA** melaporkan Malaysia memerlukan lebih ramai pakar dalam bidang vaksin kerana negara mempunyai kemampuan untuk menghasilkan vaksin sendiri.

Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)



Lee Lam Thye

hingga RMK-12, terdapat lebih kurang 40 projek pembangunan vaksin diluluskan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Beliau berkata ketika ini, Malaysia belum menghasilkan vaksin buatan sendiri, sebaliknya masih bergantung ke-

pada sumber dari negara luar.

“Malaysia mempunyai pakar yang boleh menghasilkan vaksin tetapi kita memerlukan lebih ramai pakar bidang vaksin,” katanya semalam.



06 OCT, 2021

Kes baharu kekal bawah 10,000

Berita Harian, Malaysia



SUMMARIES

Putrajaya: Kes penularan COVID-19 kekal di bawah 10,000 semalam iaitu 8,817 kes menjadikan jumlah terkumpul ialah 2,294,457 kes. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua negeri mencatatkan pertambahan kes dengan tiga daripadanya melaporkan peningkatan kes empat angka. Beliau berkata, Sarawak menjadi negeri tertinggi melaporkan pertambahan kes harian dengan 1,361 kes, diikuti Selangor (1,348) dan Kelantan (1,063).